

DERA SUAMI

Kian Meningkat



Nurul Ashikin

PEGAWAI Psikologi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Nurul Ashikin Din, mengakui kes penderaan suami meningkat saban tahun. Bagaimanapun situasinya tidak berada di tahap yang membimbangkan sebagaimana kes penderaan isteri.

"Tidak dinafikan berlaku peningkatan dalam kes suami didera isteri akibat beberapa faktor. Antaranya, perubahan dalam sistem keluarga iaitu isteri kini tidak lagi berpegang pada agama dan adat lama yang menghendaki isteri taat pada suami. Berkelulusan dan berjawatan lebih tinggi juga membuatkan isteri hilang hormat pada suami lebih-lebih lagi jika suami tidak bekerja dan isteri yang menanggung keperluan keluarga.

"Selain itu, penderaan suami juga berlaku apabila isteri mengalami masalah mental dan bersifat lebih dominan. Dalam kebanyakan kes, isteri lebih menguasai rumah tangga berbanding suami yang seharusnya berperanan sebagai ketua keluarga. Maksudnya, isteri bersikap lebih tegas daripada segi mental dan fizikal sedangkan suami lebih lembut, *soft spoken*, penyabar dan mudah mengalah dengan kerenah isteri.

"Isteri bukan sahaja akan mencederakan suami tetapi juga sengaja meletakkan suami pada ketakutan kecederaan fizikal. Misalnya, menggeretak untuk mencederakan sehingga suami menggigil ketakutan setiap kali berhadapan dengan isteri mereka. Biarpun begitu, bentuk kecederaan yang dialami suami tidak begitu serius dan masih berada dalam keadaan terkawal berbanding kes penderaan isteri.

"Apabila berlaku penderaan, lelaki juga memiliki hak sama seperti wanita. Mereka boleh mendapatkan perlindungan daripada pihak berkuasa asalkan memiliki bukti sah yang menunjukkan berlakunya penderaan daripada segi fizikal mahupun emosi. Jadi,

apabila berlaku penderaan, dapatkan pemeriksaan doktor. Setelah itu, segeralah melaporkan kejadian itu ke balai polis berdekatan.

"Laporan polis tersebut boleh diberikan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat untuk tindakan susulan termasuklah bagi mengatur sesi kaunseling bersama para kaunselor. Surat itu juga boleh digunakan bersama surat perubatan untuk mendapatkan perintah perlindungan sementara (IPO) daripada mahkamah.

"IPO yang diperolehi lazimnya boleh digunakan sehingga tamat tempoh siasatan dan terhenti secara automatik apabila siasatan selesai. Jika isteri terbukti bersalah, perkara itu akan dibawa ke mahkamah untuk didengar sebagai kes," katanya yang menyerdai masyarakat agar menghubungi Talian Kasih 15999 agar perkara tersebut dapat dirujuk kepada JKJ yang telah merangka sesi kaunseling komprehensif tiga fasa yang melibatkan enam sesi bergantung kepada situasi.

TIGA FASA RAWATAN

1. Meliputi sesi luahan perasaan dan mengenal pasti latar belakang masalah yang membawa kepada penderaan. Kaunselor akan mengenal pasti kekuatan dan bentuk perlindungan yang boleh diberi kepada mangsa.

2. Mangsa akan diberi motivasi dan diberi ruang untuk berfikir, membina kekuatan dan mengembalikan semula keyakinan serta harga diri mereka yang hilang akibat didera.

3. Setelah itu, cara penyelesaian difikirkan dan diteruskan dalam fasa ketiga iaitu penamatan atau penyelesaian.

Abuse - General

Pg : 94.